

SKIM INSENTIF INTEGRASI TANAMAN DENGAN SAWIT

1. PENDAHULUAN

Industri sawit telah dikenal pasti sebagai Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang boleh meningkatkan pendapatan negara. Kerajaan sedang berusaha untuk memperkuatkan lagi industri sawit negara dalam sektor pekebun kecil. Selaras dengan itu, kerajaan menerusi MPOB telah memperkenalkan Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit dalam Rancangan Malaysia ke-11 dan 12 (RMK-11 dan RMK-12). Ia bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil sawit persendirian melalui penggunaan tanah dan sumber semula jadi yang optimum.

2. OBJEKTIF

- i. Mengoptimumkan penggunaan tanah melalui penanaman tanaman kontan.
- ii. Mempelbagaikan pendapatan pekebun kecil sawit melalui penanaman tanaman kontan.
- iii. Meningkatkan pengeluaran bahan makanan dalam negara.

3. SKOP BANTUAN

Bil	Jenis Tanaman Kontan	Nilai Bantuan (RM)	Had Maksimum Kelulusan (Ha)
1	Nanas	7,000	2
2	Pisang, Tembakai, Betik, Jagung	3,000	2
3	Serai	10,000	1
4	Cendawan	15,000	1 projek

- i. Penyediaan lawatan khidmat nasihat dan penyeliaan projek.

4. SYARAT PERMOHONAN

- i. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh permohonan.
- ii. Pekebun kecil sawit persendirian sahaja dengan had pemilikan tanah bertanam sawit tidak melebihi 6.5 hektar dan bukan peserta dari lain-lain agensi persekutuan atau negeri.
- iii. Menunjukkan bukti pemilikan atau penguasaan tanah yang sah mengikut undang-undang dan peraturan pihak berkuasa tanah negeri masing-masing.
- iv. Kategori penggunaan tanah bagi tapak projek yang dipohon mestilah **pertanian**.
- v. Mempunyai lesen MPOB yang sah.
- vi. Umur sawit tidak melebihi **dua tahun** bagi penanaman semula atau penanaman baru mengikut sistem segitiga sama jika melaksanakan integrasi tanaman (**tidak terpakai bagi projek tanaman cendawan**).
- vii. Perlu mendaftar dengan program Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO) anjuran MPOB.

5. SYARAT PELAKSANAAN

- i. Pemohon mestilah melaksanakan Amalan Pertanian Baik.
- ii. Bersetuju untuk merekodkan dan membekalkan data-data yang diperlukan oleh pihak MPOB.
- iii. Hanya jenis-jenis tanaman yang telah disenaraikan sahaja layak menerima insentif di bawah skim ini.
- iv. Sekiranya maklumat yang dinyatakan oleh pemohon dalam mana-mana peringkat pelaksanaan skim ini didapati tidak benar atau memberikan apa-apa dokumen palsu, maka permohonan atau penyertaan dalam skim ini boleh ditolak atau kelulusan ditarik balik.
- v. MPOB berhak meminda, menambah atau membatalkan mana-mana syarat di atas pada bila-bila masa tanpa perlu memaklumkan atau mendapatkan pengesahan daripada pemohon.
- vi. Bagi pekebun kecil persendirian yang telah siap menanam tanaman kontan sebelum mendapat kelulusan, permohonan ini akan dibawa ke Jawatankuasa Teknikal SBPKS untuk pertimbangan.

6. KAEADAH PELAKSANAAN

- i. Pemohon yang diluluskan hendaklah menguruskan sendiri penanaman tanaman kontan.
- ii. Pemohon yang telah diluluskan perlu menanam atau memulakan projek menggunakan wang pendahuluan yang disalurkan oleh MPOB selepas lawatan pemeriksaan dan pengesahan dilakukan oleh pegawai MPOB. Wang pendahuluan akan dimasukkan ke dalam akaun bank pekebun kecil.
- iii. Pemohon boleh melaksanakan tanaman kontan secara bersendirian atau berkelompok.
- iv. Jika pemohon memiliki **sawit berusia 2 tahun (24 bulan) dan kurang**, pemohon dibenarkan untuk menanam tanaman kontan (pisang/nanas/tembakai/jagung/betik/serai) di kawasan sawit (**secara integrasi**); **atau ditanam secara tanaman tunggal** di tanah kosong yang lain.
- v. Jika pemohon memiliki sawit yang berusia lebih **25 bulan**, pemohon **hanya** dibenarkan menanam tanaman kontan ini secara tanaman tunggal **di tanah kosong yang lain** (tanaman secara **integrasi bersama sawit adalah tidak dibenarkan**).
- vi. Pemohon boleh menanam di tapak yang diluluskan sama ada milik sendiri atau yang disewa (perlu kemukakan dokumen berkaitan penyewaan tanah yang sah)
- vii. Pekebun kecil bertanggungjawab memasarkan hasil tanaman mereka sendiri.
- viii. Pekebun kecil perlu memberikan data jualan hasil tanaman kontan kepada MPOB bagi tujuan rekod.

7. DOKUMEN-DOKUMEN PERMOHONAN YANG DIPERLUKAN

- i. Borang permohonan yang diisi lengkap dan ditandatangani.
- ii. Salinan kad pengenalan.
- iii. Salinan dokumen pemilikan tanah: geran tanah atau carian rasmi (bagi tanah yang akan ditanam tanaman kontan).
- iv. Salinan lesen MPOB.
- v. Surat akuan sumpah sebagai pekebun mengesahkan akan menanam di lokasi yang dipohon.
- vi. Surat wakil kuasa mengusahakan tanah (jika berkenaan).
- vii. Dokumen sewa tanah (jika berkenaan).

Nota : Salinan fotostat dokumen hendaklah disahkan benar seperti dokumen asal oleh Pegawai Kumpulan A.

8. PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Unit Pemeriksaan Pekebun Kecil
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor.

ATAU

Melalui e-mel kepada sekretariat Skim Insentif Integrasi Tanaman Dengan Sawit: tkb40@mpob.gov.my

Nota:

1. Kelulusan permohonan untuk skim ini tertakluk kepada syarat-syarat dan peruntukan yang disediakan.
2. Sekiranya tiada maklum balas daripada MPOB dalam tempoh 2 bulan, permohonan dianggap tidak berjaya.
3. Keputusan permohonan adalah muktamad.